

05/11/1997

Menyemai amalan berjimat sektor awam

Wan Jailani Razak

KETIKA Barat mengharap hubungan di antara pekerja dan kerajaan renggang berikutan krisis mata wang ringgit yang melanda negara sekarang, hasrat mereka ternyata tidak kesampaian. Malah, hubungan pekerja-kerajaan semakin intim apabila masing-masing sedar peranan yang harus dimainkan dalam menangani masalah itu.

Bukan setakat pemimpin pembangkang yang tampil menyokong kerajaan, peneraju kesatuan sekerja juga tampak semakin bersatu seiring langkah penjimatan kerajaan berdasarkan pendirian presiden kesatuan terbabit dalam kenyataan yang dikeluarkan. Itulah hikmah yang diperolehi di sebalik masalah yang dihadapi negara sekarang.

Ia bermula dengan keputusan kerajaan untuk memotong dua peratus perbelanjaan semua kementerian dimulakan dengan Jabatan Perdana Menteri. Berikutan itu, semua keputusan baru mengenai penswastaan ditangguhkan sehingga Disember ini.

Pelaksanaan garis panduan itu jelas menunjukkan ketegasan kerajaan mempertahankan ekonomi negara. Malah, langkah penjimatan dimulakan di peringkat kerajaan. Ini termasuk penggunaan kenderaan oleh pegawai kerajaan dan pegawai awam yang dihadkan kepada kereta Proton.

Pada masa yang sama, import barangan untuk agensi kerajaan termasuk Kementerian Pertahanan akan dikaji semula. Kerajaan juga akan membatalkan pengimportan jika didapati wajar. Tindakan mengurangkan perbelanjaan elektrik, kertas dan hiburan pula dipersetujui jemaah menteri tanpa menjejaskan program asas rakyat.

Demikian, antara usaha kerajaan mengatasi masalah defisit dalam akaun semasa imbalan pembayaran negara. Malah dengan langkah itu, matlamat belanjawan berimbang diharap dapat dicapai.

Semua langkah berkenaan yang berkuatkuasa sekarang dibuat untuk membiayai defisit akaun semasa dan keseimbangan pembayaran. Sehubungan itu, tingkat permintaan domestik perlu diuruskan sambil berusaha meningkatkan pengeluaran.

Selain pemotongan gaji, tindakan menahan kenaikan pangkat dan bayaran ganti rugi turut dinyatakan. Serentak itu, Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Abdul Halim Ali, sudah mengarahkan surat pekeliling mengenainya dihantar ke semua kementerian, jabatan kerajaan dan agensinya.

Kementerian Pembangunan Usahawan kemudian mengesahkan sudah menerima pekeliling berhubung garis panduan ditetapkan kerajaan mengenai perbelanjaan berhemat.

Menurut menterinya, Datuk Mustapa Mohamed, langkah susulan berhubung pekeliling itu sedang dilakukan dan usaha ke arah menjimatkan kos operasi sudah dimulakan. Kajian lebih teliti akan dibuat dengan merujuk kepada Kementerian Kewangan apabila membabitkan perbelanjaan.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri menyatakan kebanggaannya terhadap rakyat Malaysia yang kini mempunyai tekad yang kuat untuk bekerja lebih keras dan bersatu dalam menghadapi masalah ekonomi negara sekarang.

Menurut Perdana Menteri, walaupun negara kini 'lebih miskin' daripada segi kewangan akibat krisis ekonomi, rakyat pada masa yang sama menjadi 'lebih kaya' daripada segi tekad.

"Tekad yang kuat ini seharusnya dipupuk untuk menempuh kejayaan, (kerana ia satu ciri yang sudah berjaya kita pupuk selama 40 tahun sehingga kita sanggup berdiri tegap hari ini dan membuktikan kepada dunia bahawa kita adalah sebuah negara yang dibina berlandaskan 'substance' dan bukan bentuk

yang kosong," katanya ketika merasmikan pelancaran bandar baru Putrajaya, di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini semalam.

Beliau berkata, tekad yang lebih kuat ini tidak terbatas kepada pihak yang terbabit dalam pembangunan Putrajaya saja, malah ia dapat dilihat di mana-mana sahaja dan ditunjukkan oleh mereka yang bangga menjadi rakyat Malaysia.

Menyedari usaha bersungguh-sungguh kerajaan itu, Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Perkhidmatan Awam (Cuepacs), Mohamad Mat Jid, menjelaskan pihaknya sudah membincangkan masalah yang menimpa ekonomi negara sekarang bersama semua kakitangan kongres serta ahli.

Dalam perbincangan itu, katanya, mereka memberi jaminan untuk terus menjalankan tugas dengan lebih cekap dan aktif sekali gus meningkatkan produktiviti. Ini, katanya, adalah cara mereka memberi sumbangan melaksanakan langkah penjimatan kerajaan.

Beliau berpendapat tindakan memotong gaji serta menahan kenaikan pangkat, adalah satu perkara yang baik dan tidak terlalu keras kerana ia bertujuan membaiki kewangan kerajaan.

Menurutnya, jika KSN tidak membuat arahan setegas itu, ketua jabatan dan kakitangan kerajaan yang terbabit dengan kewangan mungkin tidak begitu serius untuk melaksanakan apa yang diharapkan kerajaan pada hari ini.

"Pada pandangan saya, arahan itu adalah dialu-alukan dan sepatutnya dilakukan sebagai langkah berjimat-cermat," katanya.

Ditanya reaksi ahli Cuepacs, Mohamad berkata, ahlinya tidak begitu terbabit kerana langkah itu hanya membabitkan pegawai yang berkaitan pengurusan kewangan di kementerian dan jabatan.

Beliau juga katanya, sudah berbincang dengan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan menyampaikan pandangan kesatuan. Dalam perkara itu, beliau menyifatkan semua persoalan berbangkit, selesai. Menurutnya, kesatuan menyedari atas apa yang berlaku dalam negara dan bertanggungjawab untuk membantu kerajaan supaya memulihkan semula ekonomi.

Rakan sejawatannya dalam Kongres Kesatuan Sekerja (MTUC), Zainal Rampak, ketika diminta mengulas sama ada tuntutan yang dibuat oleh ahli gabungan MTUC selepas ini akan sedikit berbeza dengan mengambil kira keadaan ekonomi negara sekarang, berkata perkara tuntutan adalah berbeza di antara sektor swasta dan kerajaan.

Bagi sektor swasta, katanya, kebanyakan syarikat tidak dapat dinafikan ada mencatat keuntungan yang kadang-kadang mencapai sehingga tiga kali ganda berdasarkan penyata kewangan mereka.

Jadi, dalam tuntutan kesatuan sekerja dalam sektor swasta, kebanyakan mereka berpendapat bahawa tuntutan itu boleh dikemukakan menerusi pelbagai cara. Rasionalnya, bagi syarikat yang memperolehi untung besar, pekerja boleh mengemukakan tuntutan yang lebih sedikit dan sebaliknya.

Beliau sependapat tindakan susulan harus dibuat dan semua peringkat kesatuan sekerja dan kerajaan perlu menapis semula kedudukan kewangan termasuk syarikat yang beroperasi di negara ini.

Ini termasuk pemilik syarikat asing yang melaburkan modal di negara ini. Mereka harus memiliki perasaan cintakan Malaysia kerana di negara inilah mereka dapat mencatat keuntungan yang besar hasil pelaburan yang dibuat dengan syarat yang dikenakan kerajaan termasuk pengurangan cukai dan perkara lain yang berkaitan pelaburan mereka.

"Berdasarkan pengalaman lalu, perbelanjaan yang dibuat kerajaan diuruskan oleh pegawai kerajaan tertinggi menerusi belanjawan yang diluluskan oleh Parlimen. Apa yang dapat dilihat ialah pemborosan banyak dilakukan sebelum ini menyebabkan wang kerajaan tidak terjaga.

"Ini menyebabkan kerajaan mengalami kerugian besar sedangkan perkhidmatannya tidak stabil dengan pembayaran yang sudah dibuat. Jadi, tindakan KSN adalah wajar sebagai amaran kepada pegawai kerajaan

berpangkat tinggi yang menguruskan kewangan negara supaya berjimat-cermat," katanya.

Yang nyata, ini akan dapat membantu kerajaan mengukuhkan nilai ringgit dan mengurangkan belanja sambil menambah simpanan dalam negara. Tindakan KSN harus disokong walaupun ada sesetengah pihak mempertikaikan tindakan itu.

Jika tindakan susulan diambil berlandaskan kepada apa juga arahan, ekonomi negara pasti akan pulih seperti sedia kala kerana apa yang dialami sekarang hanyalah buat seketika. Kita pernah menghadapi inflasi lebih hebat pada tahun 1980 berbanding sekarang.

Apa yang dialami negara sekarang hanyalah pukulan kecil oleh negara maju terhadap negara membangun, semata-mata kerana cemburu terhadap perkembangan ekonomi negara.

Rakyat menyedari keadaan ekonomi negara berikutan kejatuhan nilai mata wang ringgit. Oleh itu, adalah diyakini prestasi kakitangan kerajaan tidak akan terjejas. Pembayaran gaji yang berpatutan untuk kakitangan sama ada swasta atau kerajaan adalah suatu bentuk pelaburan.

Kenaikan gaji bagi kakitangan perkhidmatan awam yang berpendapatan rendah, bagaimanapun harus diberi pertimbangan. Ini bagi menggalakkan mereka terus berkhidmat sama untuk membangun ekonomi negara. Bagi mereka, kenaikan gaji adalah perkara penting.

Apa yang pasti, mereka akan berbelanja dalam negara sendiri. Ini menyebabkan kuasa membeli terus kekal dalam negara, sekali gus pengaliran keluar ringgit tidak berlaku. Sehubungan itu, tidak ada sebab kenaikan gaji perkhidmatan awam yang berpendapatan rendah tidak dipertimbangkan kerajaan.

Sebaliknya, isteri menteri dan pegawai tertinggi kerajaan yang dikatakan berbelanja berhabis-habisan di luar negara perlu dibendung kerana pengaliran keluar mata wang ringgit pasti menjejaskan usaha kerajaan menangani krisis ekonomi sekarang. Apa kurangnya Malaysia?

(END)